

**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-syarat tawaran:

1. Tawaran adalah dibukakan kepada semua kontraktor yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:

a) Sijil Pendaftaran Perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (Kelas) dan Sijil Pendaftaran Seksyen 16 & 17.

2. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup (sealed) tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan/pembekal/pemborong, ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Tajuk tawaran:

**'SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, CONFIGURATION, TESTING AND COMMISSIONING OF AIR TRAFFIC SERVICE SWITCHING SYSTEM FOR THE AIR TRAFFIC SERVICES CENTRE, DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION'
ATELS/2026/LTK-03**

Tarikh iklan/mengambil dokumen tawaran	:	18 Mei 2026, hari Isnin
Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran	:	15 Jun 2026, hari Isnin
Tarikh tutup tawaran	:	16 Jun 2026, hari Selasa

KEPADA:

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
JALAN MENTERI BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil tidak lewat jam **2.00 petang pada hari Selasa, 16 Jun 2026**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Iklan sebut harga bolehlah dilihat melalui laman sesawang website <http://www.mtic.gov.bn> dan <http://www.dca.gov.bn>.

5. Bagi sebut harga yang dibukakan semula retender, mana-mana syarikat yang pernah membeli dokumen projek hendaklah membawa bersama resit pembayaran yuran sebut harga bagi sebut harga asal semasa waktu-waktu bekerja biasa bagi mendapatkan dokumen retender untuk pertimbangan dikecualikan dari pembayaran yuran kali kedua.

6. Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki memperolehi dokumen dari Seksyen Kewangan, Aras Bawah, Jabatan Penerbangan Awam dengan membayar **yuran tawaran sebanyak BND\$30.00 hardcopy - tidak dikembalikan** bagi pembayaran tawaran diterima pada waktu bekerja seperti berikut:

Hari Isnin hingga Sabtu

8.30 pagi – 11.00 pagi dan 02.30 petang – 3.00 petang

7. Yuran sebut harga tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
9. Penerangan-penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei seperti berikut:

E-mel : Ruzaini.hjosli@dca.gov.bn

Telefon : (+673) 2330142 (Ext)1815

Faks : 2333666

10. Semua syarikat yang mengambil dokumen tawaran dan berhasrat untuk mengambil bahagian adalah disarankan untuk memohon kebenaran *site visit* di mana-mana bangunan Jabatan Penerbangan Awam termasuk kawasan Landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh dipohonkan.